



## 1057 YA'AT AL-ZAWA'ID DI DALAM AL-QURAN: ANALISIS DARI ASPEK MAKNA.

Mohd Mahfuz Bin Jaafar

Adnan Mat Ali

Muhammad Izzat Bin Ngah

Fakulti Pengajian Peradaban Islam,  
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

### Abstrak

*Ya'at al-Zawa'id merupakan huruf ya tambahan pada sebutan di dalam al-Quran. Ianya merupakan satu bab dalam perbahasan ilmu al-Qiraat pada membincangkan khilaf samada mengithbatkannya ataupun tidak. Sekalipun tidak ditulis dalam mashaf Rasm Uthmani namun tetap juga wujud wajah bacaan yang mengithbatkannya. Sehubungan dengan itu, kajian ini akan menganalisis bacaan Ya'at al-Zawa'id di dalam al-Quran dari aspek makna dan terjemahannya adakah hanya sekadar penambahan dari segi sebutan atau ada memberi makna tertentu. Bagi mencapai objektif kajian ini, setiap maklumat dan data akan dikutip dan dianalisis dengan menggunakan metode kajian perpustakaan. Hasil kajian mendapati, ada terdapat di beberapa tempat di dalam al-Quran bahawa Ya'at al-Zawa'id ini ada memberi makna dan terdapat juga hanya sekadar sebutan sahaja.*

**Kata kunci:** Ya'at al-Zawa'id

### Pendahuluan

Ya'at al-Zawa'id atau tunggalnya disebut Ya' Za'idah iaitu huruf Ya' tambahan di dalam al-Quran dari segi bacaan. Di dalam pembacaan al-Quran memang terdapat wajah bacaan samada dengan mengithbat atau menghadhaf bacaan ya' za'idah berkenaan pada beberapa tempat di dalam al-Quran. Dalam kertas kerja ini, penulis akan menerangkan apakah yang dinamakan dengan Ya'at al-Zawa'id serta apakah ianya sekadar huruf tambahan atau ada memberi makna tertentu di dalam ayat al-Quran.

Penulis juga akan mengemukakan tempat-tempat yang terdapat Ya'at al-Zawa'id di dalam al-Quran berserta dengan Imam ataupun Qurra' dalam ilmu Qiraat yang membaca dengan Ya'at al-Zawa'id.

### Definisi Ya'at al-Zawa'id:

Dalam ilmu Qiraat terdapat satu bab yang disebut Ya'at al-Zawa'id iaitu bermakna huruf Ya' tambahan pada hujung perkataan dalam al-Quran samada di hujung atau di tengah ayat. Ya'at al-Zawa'id ini berada pada perkataan isim seperti ، الداع-الجوار ، juga pada perkataan fi'il seperti مع-إلى يأت-يسر dan tidak pada perkataan huruf seperti .

Ya'at al-Zawa'id tertulis pada mashaf bagi mashaf qurra' yang ada membaca ya' tersebut dan begitulah sebaliknya bagi qurra' yang tidak membacanya sebagaimana mashaf bagi qiraat riwayat Hafs `an `Asim. Dan ianya berlaku khilaf pada lingkungan hadhf dan ithbat samada bacaan ketika berhenti atau bersambung dengan mengikut imam-imam Qiraat.

Berikut ini merupakan jadual bagi bacaan ya'at al-zawa'id secara umum mengikut imam-imam Qiraat:



### Mazhab Ya'at al-Zawa'id

Imam yang tujuh	Bacaan ketika wasl		Bacaan ketika waqf	
<i>Nafī`</i>	<input checked="" type="checkbox"/>			<input type="checkbox"/>
<i>Ibn Kathir</i>	<input checked="" type="checkbox"/>			<input checked="" type="checkbox"/>
<i>Abu `Amr</i>	<input checked="" type="checkbox"/>			<input type="checkbox"/>
<i>Ibn `Amir</i>	<input checked="" type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input checked="" type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
<i>'Asim</i>	<input type="checkbox"/>			<input type="checkbox"/>
<i>Hamzah</i>	<input checked="" type="checkbox"/>			<input type="checkbox"/>
<i>Al-Kisa'i</i>	<input checked="" type="checkbox"/>			<input type="checkbox"/>

Petunjuk:

<input checked="" type="checkbox"/>	<i>Ithbat Ya'</i>
<input type="checkbox"/>	<i>Hadhf Ya'</i>

Terkhusus pada satu tempat di dalam surah al-Naml, bahawa bagi imam Hamzah membaca ithbat Ya' samada ketika wasl atau waqf tanpa khilaf dan ianya dilihat berlawanan dengan wajah bacaan asal bagi imam Hamzah seperti di dalam jadual. Dan Penulis mendapati hanya seorang imam sahaja iaitu imam 'Asim yang tidak mengithbat Ya'at al-Zawa'id sebagaimana di dalam jadual.

Pada pemerhatian awal penulis dalam aspek makna bagi *Ya'at al-Zawa'id* ini, dengan berdasarkan kitab-kitab tafsir dan terjemahan al-Quran, penulis mendapati sebutan Ya' tambahan tersebut memberi makna "aku" atau *ya' mutakkalim* iaitu( orang yang berkata) pada satu-satu tempat dan tidak memberi apa-apa makna pada tempat-tempat yang lain di dalam al-Quran dan ianya sekadar sebutan *ziadah* sahaja. Penulis akan menyatakan tempat-tempat yang terdapat padanya Ya' tambahan di dalam al-Quran berserta menganalisis berkenaan maknanya dalam penulisan ini.

#### Senarai tempat-tempat Ya'at al-Zawa'id di dalam al-Quran.

Di dalam buku perbahasan ilmu Qiraat ada menyatakan bahawa jumlah keseluruhan *Ya'at al-Zawa'id* yang terdapat di dalam al-Quran adalah sebanyak 62 tempat. Berikut ini penulis menyenaraikan tempat-tempat tersebut.

Surah	Ayat
Al-Baqarah	وَلَتَقُونَ يَأْتُونَ الْآَلَبِبَ -1



	أَحِسْبُ دُعَوَةَ الْمُلْكِ إِذَا دَعَانِ
Ali Imran	<p>1-فَإِنْ حَاجُوكَ فُقْلَ أَسْلَمْتُ وَجْهِي لِلَّهِ وَمَنِ اتَّبَعَنِ</p> <p>2-فَلَا تَحَافُوهُمْ وَحَاقُونَ إِنْ كُنْتُمْ مُّؤْمِنِينَ</p>
Al-Ma'ida	فَلَا تَخْشُوْهُمْ وَاحْتَشُوْنِ
Al-An`am	1- قَالَ أَخْتَجُونِي فِي اللَّهِ وَقَدْ هَدَنِ
Al-A`raf	قُلِ أَدْعُوْا شُرَكَاءَكُمْ ثُمَّ كِلْدُونِ فَلَا تُنْظِرُونِ
Hud	<p>1- يَوْمَ يَأْتِي لَا تَكَلَّمُ نَفْسٌ ...</p> <p>2-فَلَا تَسْكُنِ مَا لَيْسَ لَكَ بِهِ عِلْمٌ</p> <p>3-فَاتَّقُوا اللَّهَ وَلَا تُخْرُونِ فِي ضَيْفِي</p>
Yusuf	<p>1- حَتَّىٰ تُؤْتُونِ مَوْتِقًا مِّنَ اللَّهِ</p> <p>2-إِنَّهُ مَنْ يَتَّقَىٰ وَيَصْبِرُ</p> <p>3-أَرْسَلَهُ مَعَنَا غَدَارًا بِرَبِيعٍ وَيَلْعَبُ ...</p>
Al-Ra`d	الْكَبِيرُ الْمُتَعَالٌ
Ibrahim	<p>1-رَبَّنَا وَتَقَبَّلْ دُعَاءِ</p> <p>2-إِنَّ كَفَرُتُ بِمَا أَشْرَكَهُمْ مِنْ قَبْلُ</p> <p>3-لِمَنْ خَافَ مَقَامِي وَخَافَ وَعِيدِ</p>
Al-Isra'	<p>1-إِنَّ أَخْرَتِنَا إِلَى يَوْمِ الْقِيَمَةِ ...</p> <p>2-وَمَنْ يَهْدِ اللَّهُ فَهُوَ الْمُهَدِّدُ</p>
Al-Kahf	<p>1-مَنْ يَهْدِ اللَّهُ فَهُوَ الْمُهَدِّدُ</p> <p>2-وَقُلْ عَسَىٰ أَنْ يَهْدِيَنِ رَبِّ</p> <p>3-إِنْ تَرَنِ أَنَا أَقْلَ مِنَكَ ...</p> <p>4-قَالَ ذَلِكَ مَا كُنَّا تَتَنَعَّثِ</p> <p>5-قَالَ فَإِنْ أَتَّبَعْتَنِي فَلَا تَسْكُنِي</p>



	<p>6- هَلْ أَتَيْعُكَ عَلَىٰ أَنْ تُعْلَمَنِ...</p> <p>7- فَعَسَىٰ رَبِّي أَنْ يُؤْتِنِنِ حَيْرًا</p> <p>8- هَلْ أَتَيْعُكَ عَلَىٰ أَنْ تُعْلَمَنِ...</p>
Taha	<p>أَلَا تَتَعَنَّ <b>أَفَصَيْتَ أَمْرِي</b> ﴿٤﴾</p>
Al-Haj	<p>1- سَوَاءٌ الْعِكْفُ فِيهِ وَالنَّادِ</p> <p>2- فَكَيْفَ كَانَ نَكِيرٌ</p>
Al-Naml	<p>1- قَالَ أَتُمْدُونِي بِمَالٍ</p> <p>2- فَمَا آتَنَنِي اللَّهُ حَيْرٌ...</p>
Al-Qasas	<p>عَسَىٰ رَبِّي أَنْ يَهْدِنِي... -1</p> <p>2- إِنِّي أَخَافُ أَنْ يُكَذِّبُنِي ﴿٢٦﴾</p>
Saba'	<p>1- وَجْهَانِ كَلْحَوَابٍ وَقُدُورٍ رَّاسِيَتٍ</p> <p>2- فَكَيْفَ كَانَ نَكِيرٌ</p>
Fatir	<p>فَكَيْفَ كَانَ نَكِيرٌ ﴿٣١﴾</p>
Yasin	<p>بِضُرٍّ لَا تُغْنِ عَنِي شَفَاعَتُهُمْ شَيْئًا وَلَا يُنْقَذُونِ ﴿١١﴾</p>
Al-Saffat	<p>قَالَ تَالَّهُ إِنِّي كِدَتْ لِتُرْجِعِينِ ﴿٣٧﴾</p>
Al-Zumar	<p>فَبَشِّرْ عِبَادِ ﴿١٩﴾</p>
Al-Ghafir	<p>1- ...لِيُنِذِرَ يَوْمَ الْثَّلَاقِ ﴿١٥﴾</p> <p>2- وَيَقُولُ إِنِّي أَخَافُ عَلَيْكُمْ يَوْمَ الْنَّبَادِ ﴿٢٣﴾</p> <p>3- وَقَالَ الَّذِي ءَامَرَ يَقُولُمْ أَتَعْوِنِ...</p>
Al-Syura	<p>وَمِنْ ءَايَتِهِ الْجَوَارِ ...</p>
Al-Zukhruf	<p>فَلَا تَمْرِنَ هَبَّا وَأَشْعُونِ</p>
Al-Dukhan	<p>1- وَإِنِّي عُذْتُ بِرَبِّي وَرَبِّكُمْ أَنْ تَرْجُمُونِ ﴿٣٨﴾</p> <p>2- وَإِنْ لَمْ تُؤْمِنُوا لِفَاعْتَلُونِ ﴿٣٩﴾</p>



Qaf	<p>1-كَلِّيْكَدَبَ الْرُّسُلَ حَقَّ وَعِيدٍ ﴿١﴾</p> <p>2-وَأَسْتَمِعُ يَوْمَ يُنَادِ الْمُنَادِ ﴿٢﴾</p> <p>3-مَنْ سَخَافَ وَعِيدٍ ﴿٣﴾</p>
Al-Qamar	<p>1-فَكَيْفَ كَانَ عَذَابِي وَنُنْذِرٌ ﴿١﴾</p> <p>2-يَوْمَ يَدْعُ الْلَّادِعِ ... ﴿٢﴾</p> <p>3-مُهْطَعِينَ إِلَى الْلَّادِعِ ﴿٣﴾</p> <p>4-فَكَيْفَ كَانَ عَذَابِي وَنُنْذِرٌ ﴿٤﴾</p> <p>5-فَكَيْفَ كَانَ عَذَابِي وَنُنْذِرٌ ﴿٥﴾</p> <p>6-فَذُوقُوا عَذَابِي وَنُنْذِرٌ ﴿٦﴾</p>
Al-Mulk	<p>1-فَسَتَعَامُونَ كَيْفَ نَذِيرٌ ﴿١﴾</p> <p>2-فَكَيْفَ كَانَ نَكِيرٌ ﴿٢﴾</p>
Al-Fajr	<p>1-وَالَّلِيلِ إِذَا يَسِيرٌ ﴿١﴾</p> <p>2-وَثُمُودَ الَّذِينَ جَاءُوا الصَّحْرَ بِالْلَّوَادِ ﴿٢﴾</p> <p>3-فَيَقُولُ رَبِّ أَكْرَمِنِ ﴿٣﴾</p> <p>4-فَيَقُولُ رَبِّ أَهْنَيِنِ ﴿٤﴾</p>

Jika dilihat kepada setiap ayat yang tersenarai di atas ternyata pada penulisannya tiada satu pun ayat yang mengithbatkan huruf ya' za'idah. Ini adalah kerana ianya merupakan penulisan mashaf yang diguna pakai bagi qiraat riwayat Hafs `an `Asim yang *ittifaq* tiada wajah *ithbat* ya' za'idah.

### Analisis Makna Ya'at al-Zawa'id Pada Ayat al-Quran

Sebagaimana objektif utama penulisan ini yang mana penulis akan menganalisis bacaan Ya'at al-Zawa'id pada beberapa tempat di dalam al-Quran, di sini penulis akan memetik beberapa ayat-ayat yang tersenarai di atas bagi menyatakan bahawa Ya'at al-Zawa'id ada memberi makna Ya' Mutakallim yang memberi makna aku atau tidak memberi apa-apa makna dan hanya sekadar huruf tambahan sahaja.

#### 1) Ya'at al-Zawa'id yang memberi makna Ya' Mutakallim:



وَأَتَقْوِنِ يَأْوِي الْأَلَبِ

Terjemahan: “Dan bertaqwah kepadaKu wahai orang yang mempunyai akal”

أَجِيبُ دُعَوةَ الْدَّاعِ إِذَا دَعَانِ

Terjemahan: “Aku kabulkan doa orang berdoa apabila dia berdoa kepadaKu”

فَإِنْ حَاجُوكَ فَقُلْ أَسْلَمْتُ وَجْهِي لِلَّهِ وَمَنِ اتَّبعَنِ

Terjemahan: “Jika mereka membantah engkau (Muhammad S.A.W), maka katakanlah “aku berserah diri kepada Allah dan (demikian pula) orang-orang yang mengikuti aku”

فَلَا تَخَافُوهُمْ وَخَافُونِ إِنْ كُنْتُمْ مُّؤْمِنِينَ

Terjemahan: “Maka janganlah engkau takut kepada mereka dan takutlah kepadaKu sekiranya kamu orang yang beriman”

قُلِّ أَدْعُوا شُرَكَاءَكُمْ ثُمَّ كَذُونِ فَلَا تُنْظِرُونِ

Terjemahan: “Panggillah sekutu-sekutumu (yang kamu anggap sekutu Allah) kemudian lakukanlah tipu daya (untuk mencelakakan)Ku, maka janganlah bertangguh lagi”

وَإِنِّي عُذْتُ بِرَبِّي وَرَبِّكُمْ أَنْ تَرْجِعُونِ

Terjemahan: “Dan sesungguhnya aku berlindung dengan Tuhanku dan Tuhanmu dari ancamanmu untuk merejamku”

وَإِنْ لَمْ تُؤْمِنُوا لِفَاعْتَلُونِ



Terjemahan: “Dan jika kamu tidak beriman kepadaku maka biarkanlah aku (memimpin bani Israil)”

**2) *Ya'at al-Zawa'id* yang tiada memberi makna (sekadar huruf dan sebutan ziadah).**

مَنْ يَهْدِ إِلَّا اللَّهُ فَهُوَ أَكْبَرُ الْمُهَتَّدُونَ

Terjemahan: “Barangsiapa yang diberi petunjuk oleh Allah maka dia lah yang mendapat petunjuk”

وَحِفَانٌ كَالْخَوَابِ وَقُدُورٍ رَّاسِيَتِ

Terjemahan: “....dan piring-piring (yang besarnya) seperti kolam dan periuk-periuk yang tetap (berada di atas tungku)

لِيُنذِرَ يَوْمَ الْثَّلَاقِ ..

Terjemahan: “... untuk memperingatkan manusia tentang hari Kiamat”

وَيَقُومُ إِنِّي أَحَافُ عَلَيْكُمْ يَوْمَ الْتَّنَادِ

Terjemahan: “Wahai kaumku, sesungguhnya aku benar-benar khuatir ke atas kamu akan siksaan hari saling memanggil”

Penulis hanya mengemukakan beberapa contoh ayat seperti di atas yang menunjukkan bahawa *Ya'at al-Zawa'id* di beberapa tempat ada memberi makna *ya' mutakallim* serta tidak. Dan dalam kitab *Hujjah al-Qira'at* karangan Imam al-Jalil Abi Zur`ah `Abd Rahman ada menyatakan bahawa dari sudut penafsiran kalimah al-Quran berkenaan tempat-tempat yang tidak dibaca dengan *Ya'at al-Zawa'id* yang sedangkan dari sudut maknanya ada memberi makna “aku” atau orang yang berkata namun maknanya tetap kekal sedemikian. Dan tiada perubahan pada makna. Dan cukup sekadar melihat huruf yang dihujung perkataan itu berbaris bawah, ianya bermakna wujud *Ya'at al-Zawa'id* dari segi maknanya. Manakala *Ya'at al-Zawa'id* pada beberapa tempat yang tidak memberi makna “aku” maka kekallah ia dengan makna asalnya iaitu tiada penambahan atau perubahan pada maknanya.



## Kesimpulan

Hasil daripada penulisan yang agak ringkas ini, penulis dapat menyatakan objektif utama bagi penulisan ini dapat dikemukakan bahawa *Ya'at al-Zawa'id* yang terdapat di dalam al-Quran, ada memberi makna *ya' mutakallim* dan ada hanya sekadar ziadah pada sebutan sahaja. Seterusnya dapat menjelaskan apakah dia definisi *Ya'at al-Zawa'id* dalam ilmu Qiraat.

*Wallahu a`lam.*

## Rujukan

- i- Pustaka Darul Iman, 2007, *al-Qur'an dan terjemahan*,: Majma<sup>c</sup> al-Malik Fahd Wataniah.
- ii- Hussain Unang, *Kamus al-Tullab*. 1994. DarulFikir. K.Lumpur.
- iii- Dr. Muhammad Salim Muhaysin, 1997, *al-Hadi, Syarh Taiyybah al-Nasyr Fi al-Qiraat al-'Asyr Wa al-Kasyf 'An 'Ilal al-Qiraat Wa Tayjhiha*, Kaherah.
- iv- Sayyid Lasyin Abu al-Farh 1413H, *Taqrib al-Ma`ani Fi Syarh Hirz al-Amani Fi al-Qiraat al-Sab`*, Dar al-Zaman.
- v- Syahab al-Din Abi Bakr, 1997, *Syarh Tayyibah al-Nasyr Fi al-Qiraat al-'Asyr*, Dar al-Kutub, Lubnan.
- vi- Al-Imam al-Jalil Abi Zur`ah `Abd Rahman, 2001, *Hujjah al-Qiraat*, Mu'assah al-Risalah, Lubnan.